



## Naratif Ekonomi Madani bakal dilancar Ogos ini

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Hazwan Faisal Mohamad - Jun 12, 2023 @ 2:35pm  
bhnews@NSTP.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan akan melancarkan Naratif Ekonomi Madani pada Ogos ini yang bertindak sebagai panduan dan hala tuju kepada kementerian dan jabatan berkaitan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata naratif itu akan melaksanakan kerangka besar, umum dan disusuli dengan beberapa tiang nadi ekonomi yang akan dijelaskan secara berperingkat.

Bagaimanapun katanya, beberapa dasar segera yang terpaksa dilaksanakan akan diteruskan.

"Kepentingan naratif ekonomi ini adalah untuk memberikan satu panduan dan hala tuju yang jelas dan untuk memudahkan tindakan oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan.

"Kita ada cerakinkan secara ringkas dalam buku Madani (mengenai naratif ini), tetapi Kementerian Ekonomi dan kementerian yang terbabit serta sektor swasta...apabila ada proses libat urus ini, akan menentukan beberapa dasar (antaranya) soal penggunaan tenaga, keutamaan pelaburan, soal ekonomi hijau dan lain-lain," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di sini, hari ini.

Yang turut hadir Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.